

01/03/1997

#### Thailand kawal visa transit

KUALA LUMPUR, Jumaat - Thailand akan mengetatkan pengeluaran visa transit kepada pendatang asing ke negara itu bagi membantu Malaysia menghalang kemasukan mereka secara haram ke negara ini.

Perdana Menteri Thailand, Jeneral Tan Sri Chavalit Yongchaiyudh memberi jaminan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, negara itu akan membantu Malaysia menyekat pendatang asing tanpa izin ke Malaysia.

Dr Mahathir berkata, Thailand tidak akan mengeluarkan visa transit kepada warga asing kecuali mereka dapat membuktikan perjalanan seterusnya ke negara ketiga yang ditetapkan.

Langkah itu bertujuan mengelakkan mereka menyalahgunakan visa transit untuk memasuki Malaysia dan menetap di negara ini.

"Jika tiada bukti, Thailand tidak akan keluarkan visa transit.

"Bagi Thailand, ia cuma transit tetapi bergantung kepada orang itu nak pergi tempat lain atau tidak.

"Tapi kita tahu kalau Thailand bagi visa transit, kita akan hadapi masalah kerana pendatang terbabit tidak boleh pergi ke Malaysia dan kita juga terpaksa tolak dia balik ke Thailand," katanya.

Dr Mahathir memberitahu pemberita demikian selepas membuat kunjungan perpisahan ke atas Chavalit dan isterinya, Khunying Puan Sri Phankrua Yongchaiyudh, di sini petang ini.

Chavalit menamatkan lawatan rasmi dua hari ke ibu negara hari ini.

Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Seramai 30,000 pendatang tanpa izin memasuki negara ini menggunakan visa transit yang dikeluarkan di Thailand pada 1995 dan 26,000 lagi tahun lalu.

Sebelum ini, Chavalit dilaporkan berkata, beliau akan berbincang dengan Dr Mahathir mengenai masalah kemasukan pendatang tanpa izin Bangladesh ke Thailand dan Malaysia.

Beliau memahami langkah Malaysia yang menghantar semula pendatang terbabit ke Thailand kerana mereka menggunakan visa transit yang diperolehi di negaranya untuk memasuki Malaysia.

Dr Mahathir juga berkata, beliau sudah berbincang perkara itu dengan Menteri Luar Bangladesh yang mengunjunginya baru-baru ini.

Mengenai hasil lawatan itu, Perdana Menteri berkata, Chavalit menganggap kunjungannya kali ini berjaya di samping berpuas hati kerana dapat berjumpa dengan usahawan tempatan.

Mengenai soal penandaan sempadan yang dipersetujui semalam, Dr Mahathir berkata, Chavalit harus mendapatkan persetujuan Parlimen sebelum dapat melaksanakan perkara itu berbanding Malaysia yang hanya perlu mendapat mandat Kabinet.

"Beliau tidak dapat memberi jaminan tetapi berjanji akan menyelesaikan masalah itu," katanya.

(END)